

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 NOVEMBER 2016

# Melayu Mudah Lupa Tun M makan diri

BH - 18/11/2016

➔ Annuar persoal perubahan bekas PM

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

✦ Batu Pahat



sa masih dalam UMNO tetapi kini bertukar puji-pujian pula.

### Pakai baju kuning

“Jika dahulu Dr Mahathir amat benci pada demonstrasi jalanan yang dikatakannya budaya songsang yang dibawa masuk untuk pecah-belah negara tetapi kini beliau pakai baju kuning untuk seru orang ramai turun berdemonstrasi pula.

“Nampaknya sajak ‘Melayu Mudah Lupa’ kini sudah makan tuan akhirnya,” katanya pada program Ngeteh Malam Bicara Isu Semasa di Taman Cempaka Putih di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Sri Gading, Datuk Ab Aziz Kaprawi yang juga Timbalan Menteri Pengangkutan.

Annuar mempersoalkan kenapa baru sekarang Dr Mahathir memilih untuk sokong perhimpunan haram BERSIH 5.0 sedangkan sebelum ini beliau menolak budaya itu.

“Kita hanya dapat lahirkan rasa dukacita atas sokongan Dr Mahathir terhadap perhimpunan haram Sabtu ini (esok) dan kita serahkan kepada rakyat untuk menilainya,” katanya.

Sajak nukilan Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai *Melayu Mudah Lupa* kini memakan diri bekas pemimpin negara itu sendiri.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata tindakan Dr Mahathir kebelakangan ini seolah-olah beliau tidak mengingati apa yang pernah kuat ditentangnya sebelum ini.

Katanya, ini termasuklah kebenciannya terhadap Lim Kit Siang (Penasihat DAP) dan demonstrasi jalanan yang tidak pernah disokongnya.

“Sajak *Melayu Mudah Lupa* kini dah makan diri Dr Mahathir sebab nampak gayanya beliau kini sudah lebih daripada lupa. Dulu Dr Mahathir balun (kritik) Lim Kit Siang cukup-cukup ma-

Sajak ‘Melayu Mudah Lupa’ kini dah makan diri Dr Mahathir sebab nampak gayanya beliau kini sudah lebih daripada lupa. Dulu Dr Mahathir balun (kritik) Lim Kit Siang cukup-cukup masa masih dalam UMNO tapi kini bertukar puji-pujian pula”

**Annuar Musa,**  
Ketua Penerangan UMNO